

No. Rujukan : UTeM.02/10.12/2/1(25)



**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN  
BILANGAN 2 TAHUN 2009**

---

**PINDAAN DI DALAM SKIM PERKHIDMATAN  
PERUBATAN STAF UTeM  
(BAHAGIAN C PERKARA 3.2 TENTANG  
PEMILIHAN DAN PENDAFTARAN STAF DI  
KLINIK PANEL)**

Pejabat Pendaftar  
**10 Mac 2009**

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Pegawai-Pegawai Kanan

## SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 2/2009

### **PINDAAN DI DALAM SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN STAF UTeM (BAHAGIAN C PERKARA 3.2 TENTANG PEMILIHAN DAN PENDAFTARAN STAF DI KLINIK PANEL)**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pengetahuan semua staf tentang pindaan di dalam Skim Perkhidmatan Perubatan Staf UTeM (**Bahagian C Perkara 3.2 yang menyatakan seorang staf hanya dibenarkan mendaftar untuk mendapatkan rawatan di Lima (5) buah klinik panel sahaja, tidak kira dari klinik panel yang berasingan ataupun cawangan sesuatu panel klinik yang telah disahkan perlantikannya. Alamat klinik panel yang dipilih akan dicopkan ke dalam buku rawatan perubatan).**

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka Bilangan 4/2008 yang diadakan pada 23 Disember 2008 telah bersetuju dan meluluskan pindaan di dalam Skim Perkhidmatan Perubatan Staf UTeM (Bahagian C Perkara 3.2 – Pemilihan dan Pendaftaran Staf di Klinik Panel) bagi membolehkan staf mendapatkan rawatan perubatan di semua klinik panel yang telah dilantik oleh universiti.
- 2.2 Pindaan ini adalah selaras dengan perkembangan semasa dan kepentingan staf dalam mendapatkan kemudahan rawatan terbaik yang disediakan oleh pihak UTeM. Di samping itu, ia juga tidak menjejaskan tadbir urus universiti dalam konteks pengurusan, kawal selia dan pemantauan terhadap semua klinik panel yang dilantik.

### 3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Sehubungan dengan itu, semua **staf** **dibenarkan** untuk **mendapatkan rawatan perubatan di semua klinik panel yang telah dilantik oleh pihak universiti sahaja tanpa terikat kepada hanya 5 klinik panel pilihan sebagaimana tercatat di dalam buku rawatan staf**. Senarai klinik panel boleh didapati di Pejabat Pendaftar.
- 3.2 Walaubagaimanapun, staf masih tertakluk dengan syarat-syarat yang terkandung dalam Skim Perkhidmatan Perubatan Staf di antaranya staf atau tanggungannya **diwajibkan membawa bersama Buku Rawatan** sebagai pengenalan/ pengesahan staf UTeM di klinik panel dan **kos rawatan pesakit luar tidak melebihi RM50 seorang untuk sekali rawatan**.
- 3.3 Untuk makluman semua, takrifan '**sekali rawatan**' bermaksud **hanya mendapat rawatan sekali dalam sehari dan tidak melebihi amaun yang dibenarkan**.


### 4.0 TARIKH KUATKUASA

Penguatkuasaan dan pemakaian pindaan terhadap kemudahan perubatan di semua klinik panel universiti bermula dari tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"**

Saya yang menurut perintah



**HASAN BIN SIRUN**  
Pendaftar

*/bpo*